

30 DEC 1999

Mahathir-Umno

JAWATAN NAIB PRESIDEN MENGIKUT NEGERI BOLEH PECAHKAN UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno tidak memperuntukkan jawatan naib presiden parti mengikut negeri kerana amalan seumpama itu boleh memecahkan parti.

"Parokialisme (pandangan sempit) kita tak terima. Ia (peruntukan mengikut negeri) akan pecahkan Umno kepada negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: Menghadapi Alaf Baru di Sungai Besi dekat sini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai cadangan Pergerakan Wanita Umno Sabah semalam supaya satu daripada tiga jawatan naib presiden Umno disandang oleh pemimpin parti dari negeri itu.

Dr Mahathir berkata Umno tidak menyediakan sebarang peruntukan jawatan naib presiden mengikut negeri.

"Seboleh-bolehnya kita nak supaya orang Malaysia menganggap diri mereka sebagai rakyat negara ini.

"Kita tidak boleh kata saya dari Kedah maka kita nak kerusi untuk Kedah atau orang Perlis nak wakil Perlis... kita tidak ada peruntukan seperti itu," katanya.

Ditanya mengenai pendapat bahawa Umno tidak mungkin dapat mengadakan pemilihan parti pada April tahun depan kerana parti itu perlu selesaikan mesyuarat di peringkat bahagian dan cawangan terlebih dahulu, Dr Mahathir berkata semua syarat perlu dipatuhi sebelum diadakan pemilihan Umno.

"Ya, kalau kita nak adakan pemilihan parti, semua syarat untuk pemilihan mesti dipenuhi," katanya.

Mengenai kenyataan pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein bahawa pergerakan itu akan berusaha menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno, Dr Mahathir berkata Umno membuka keanggotaannya kepada mereka yang percaya kepada perjuangan parti.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak seharusnya menyertai Umno untuk mendapatkan sesuatu.

"Janganlah menyertai Umno semata-mata kerana mahukan tempat atau sesuatu tetapi menyertainya kerana percayakan kepada perjuangan parti," katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO